



Penarafan Universiti Terbaik Dunia di Manakah Kedudukan Malaysia?

BUAT julung - julung kalinya, kelima-lima buah Universiti Penyelidikan di Malaysia, iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), berjaya menunjukkan peningkatan yang amat membanggakan berbanding dengan tahun sebelumnya dengan berada dalam kelompok 200 buah universiti yang terbaik di dunia dan *Top 1% in the World*. Laporan tersebut dikeluarkan oleh Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2021, pada 10 Jun lalu.

Menerusi penarafan tersebut, UM sekali lagi berjaya disenaraikan sebagai antara 100 buah universiti terbaik di dunia. UM berada pada kedudukan ke-59 dalam senarai universiti terbaik dunia berbanding dengan kedudukan ke-70 pada tahun 2019. Untuk rekod, UM berjaya disenaraikan dalam kelompok 100 buah universiti terbaik sejak tahun 2018, iaitu tujuh tahun lebih awal daripada sasaran yang ditetapkan. UM juga berjaya mengekalkan dan meningkatkan kedudukannya pada setiap tahun sehingga mencatat kedudukan yang terbaik pada hari ini.

Menurut Naib Canselor UM, Datuk Ir. Abdul Rahim Hashim, kejayaan UM menduduki tangga ke-59 dalam kelompok 100 buah universiti terbaik dunia merupakan hasil usaha dan

komitmen yang berterusan oleh semua kakitangan dan warganya. Selain itu, dua strategi jangka panjang yang direncanakan oleh UM turut menjadi antara penyumbang terbesar kepada kejayaan tersebut. Antara elemen yang diberikan penekanan khusus oleh UM ialah Pelan Strategik dan Pelan Transformasi yang bersifat menyeluruh.

Oleh itu, untuk terus memperbaiki kedudukan institusi pengajian tinggi di negara ini, Abdul Rahim menyarankan agar kerajaan memperbanyak geran penyelidikan universiti yang berkaitan bagi menghasilkan lebih banyak kajian berimpak tinggi yang setanding dengan negara maju.

Selain UM, lima lagi Universiti Awam (UA) yang lain, dan tiga buah Universiti Swasta (US) juga

berjaya menunjukkan peningkatan yang membanggakan, iaitu berada dalam kelompok 550 terbaik dunia. Universiti tersebut ialah UPM pada kedudukan ke-132 (2020: 159), UKM pada kedudukan ke-141 (2020: 160), USM pada kedudukan ke-142 (2020: 165), diikuti oleh UTM pada kedudukan ke-187 (2020: 217) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) pada kedudukan ke-531-540 (2020: 591-600). Bagi US, Taylor's University mendahului pada kedudukan ke-379 (2020: 511-520), diikuti oleh UC SI University pada kedudukan ke 391 (2020: 442) dan Universiti Teknologi Petronas (UTP) pada kedudukan ke 439 (2020: 482).

Pada siri penarafan kali ini, sebanyak 20 buah universiti tempatan berjaya tersenarai, iaitu

12 buah universiti yang berjaya memperbaiki kedudukan berbanding dengan tahun lalu, iaitu dengan enam buah universiti mengekalkan kedudukan dan dua buah universiti jatuh daripada kedudukan pada tahun 2019. Selain itu, 11 buah lagi institusi pendidikan tinggi tempatan (awam dan swasta) juga berjaya disenaraikan dalam senarai Top 1000 QS World University Rankings 2021, iaitu Management and Science University (MSU), Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Sunway University, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Multimedia University (MMU), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Menurut Kementerian Pengajian Tinggi, kejayaan tersebut merupakan kejayaan terbaik negara setakat ini dan membuktikan bahawa hala tuju pendidikan tinggi negara berada pada landasan yang betul dalam menyediakan institusi pendidikan tinggi yang berkualiti dan cemerlang sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2015-2025 (Pendidikan Tinggi, PPMPT). Lebih membanggakan, kejayaan ini secara tidak langsung akan terus menempatkan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi di rantau ini dan membantu institusi pengajian tinggi menjalinkan kerjasama dengan penyelidik terkemuka dunia.

Menerusi laporan QS juga mendapati Malaysia antara negara yang menyaksikan peningkatan terbaik dalam penarafan pada kali ini. Hal ini dikatakan demikian kerana sistem pendidikan negara telah diiktiraf dalam kalangan ahli akademik dan majikan pada peringkat antarabangsa.

Penarafan QS merupakan sistem penilaian yang memberikan gambaran

secara terperinci mengenai institusi pengajian tinggi yang membolehkan dunia mengenal pasti universiti terbaik berdasarkan kekuatan program, kemudahan, kebolehpasaran lulusan, tanggungjawab sosial, keterangkuman dan banyak lagi.

Penarafan QS memahami bahawa universiti sememangnya berbeza-beza, maka penarafan QS perlu dinilai pada pelbagai kategori – setiap pelajar sudah pasti mencari sesuatu yang berbeza dan tidak semua universiti, bahkan institusi yang berada pada kedudukan tertinggi QS sesuai dengan mereka.

Menurut laporan tersebut, penarafan QS dapat membantu sesiapa sahaja yang ingin mencari program pendidikan yang bersesuaian di universiti dengan membantu mereka memahami universiti yang menunjukkan prestasi terbaik dengan membandingkan senarai petunjuk yang komprehensif.

Dalam metodologi yang digunakan untuk penarafan QS, universiti dinilai dalam puluhan petunjuk, iaitu sekurang-kurangnya lapan kategori. Selepas penilaian, universiti akan dianugerahkan bintang yang berkisar antara kosong hingga lima bintang. Kategori bintang ini pula bergantung pada jumlah mata yang dicapai melalui penilaian. □

Jadual Universiti Terbaik Dunia (QS 2021).

Tahun 2021	Tahun 2020	Universiti	Negara
1	1	Massachusetts Institute of Technology (MIT)	Amerika Syarikat
2	2	Stanford University	Amerika Syarikat
3	3	Harvard University	Amerika Syarikat
4	5	California Institute of Technology (Caltech)	Amerika Syarikat
5	4	University of Oxford	United Kingdom
6	6	ETH Zurich (Swiss Federal Institute of Technology)	Switzerland
7	7	University of Cambridge	United Kingdom
8	9	Imperial College London	United Kingdom
9	10	University of Chicago	Amerika Syarikat
10	8	UCL (University College London)	United Kingdom

Kejayaan ini secara tidak langsung akan terus menempatkan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi di rantau ini dan membantu institusi pengajian tinggi menjalinkan kerjasama dengan penyelidik terkemuka dunia.